

26 JAN 2004

Abdullah-Tiba

PERDANA MENTERI TIBA DI HANOI UNTUK LAWATAN RASMI

Oleh: Mohd Kamel Othman

HANOI, 26 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi tiba di sini pada pagi ini untuk lawatan rasmi ke Vietnam yang juga merupakan sebahagian daripada siri lawatan beliau untuk membiasakan diri dengan negara-negara anggota Asean.

Abdullah, yang tiba dengan pesawat khas mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Noi Bai pada pukul 9.30 pagi dan disambut oleh Timbalan Menteri bagi Hal Ehwal Luar Vietnam, Le Cong Phung dan duta Vietnam ke Malaysia, Nguyen Quoc Dung.

Turut berada di lapangan terbang untuk menyambut ketibaan Perdana Menteri ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Salim Hashim, Duta Besar Malaysia ke Vietnam Datuk Anuar Abdul Hamid dan Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri Datuk Mohamed Thajuddin Abdul Wahab.

Abdullah turut diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Abdullah kemudian ke istana Presiden bagi istiadat sambutan rasmi dengan beliau disambut oleh Perdana Menteri Vietnam Prime Phan Van Khai.

Selepas lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, Abdullah memeriksa barisan kehormat sebelum kedua-dua pemimpin menuju ke bangunan pejabat kerajaan Vietnam untuk mengadakan perbincangan.

Abdullah kemudian akan melakukan kunjungan hormat kepada Presiden Tran Duc Luong sebelum diraikan di majlis makan tengah hari oleh Van Khai.

Perdana Menteri juga akan bertemu dengan Setiausaha Agung parti Komunis Vietnam, Nong Duc Manh sebelum berlepas ke Phnom Penh pada pukul 3 petang untuk meneruskan lawatan ke Kemboja.

Abdullah, yang menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Kelima pada 31 Okt lepas kini dalam siri rangka lawatan ke negara-negara anggota Asean, satu tradisi bagi setiap pemimpin baru Asean.

Selepas Kemboja, destinasi terakhir beliau ialah Myanmar pada
Khamis 29
Jan.

-- BERNAMA
MKO KHY PR